



# KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (KSPK) SEMAKAN

Bahagian Pembangunan Kurikulum

# Latar Belakang

# Sejarah Kurikulum Prasekolah

Bahan Program Pukul Pendidikan Prasekolah

1986



1993



2003

2010



2017

**KSPK  
(Semakan)**

# Akta

## BAHAGIAN 1

### AKTA PENDIDIKAN 1996 (AKTA 550)

---

#### 2. Tafsiran

“kurikulum prasekolah” ertinya garis panduan kurikulum yang diluluskan oleh menteri di bawah Seksyen 22;



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**AKTA PENDIDIKAN  
1996 (AKTA 550),  
PERATURAN-PERATURAN & KAEDAH-  
KAEDAH TERPILIH**

(HINGGA 10<sup>th</sup> JUN 2014)



ILBS  
International Law Book Services

“pendidikan prasekolah” ertinya program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun;

“tadika” ertinya mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah disediakan untuk sepuluh orang murid atau lebih;

---

# BAHAGIAN IV

---

## Bab 2 – Pendidikan Prasekolah

### Seksyen 22. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua tadika.

---

(1) Menteri hendaklah menetapkan suatu kurikulum, yang dikenali sebagai **Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua tadika** dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan


---

(2) Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang ditetapkan di bawah Subseksyen (1) hendaklah menyatakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperolehi oleh murid-murid pada akhir tempoh pendidikan prasekolah masing-masing.


---

(3) Mana-mana tadika yang bermaksud untuk melaksanakan apa-apa kurikulum sebagai tambahan kepada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah, sebelum melaksanakan kurikulum tambahan sedemikian, mendapatkan kelulusan bertulis Ketua Pendaftar tentang maksud itu mengikut cara yang ditetapkan

---



# Rasional



# Selararas dengan PPPM 2013-2025



6 Aspirasi Murid



Penerapan KBAT



Murid yang mahir membuat keputusan dan menyelesaikan masalah



Penerapan dan pengukuhan elemen perpaduan


# Keperluan Semasa



Penekanan kemahiran berfikir



Penekanan aspek kesihatan dan keselamatan diri



Pengenalan hubungan dengan komuniti antarabangsa

# Pembaharuan

**Kandungan**

Penambahbaikan kandungan mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa

**Aspek  
Kurikulum**

**Pedagogi**

Pendekatan pembelajaran mendalam, kontekstual dan berkesan

**Pentaksiran**

Perkembangan pembelajaran murid ditaksir secara berterusan

# Kandungan



Kemahiran berfikir bermula dari pendidikan prasekolah/ awal kanak-kanak dengan penerapan KBAT dalam kurikulum



Penekanan komponen aktiviti di luar bilik darjah yang membolehkan perkembangan fizikal yang sihat dan perkembangan otak yang cerdas



Pengenalan Pendidikan Kewarganegaraan Global, Pendedahan isu-isu global: alam sekitar, keselamatan dan kesihatan

# Pedagogi

✓ Penekanan pelbagai pendekatan P&P yang menyeronokkan




✓ Fokus pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak dan aktiviti p&p yang memerlukan mereka menyelesaikan masalah dan membuat keputusan

✓ Penekanan penggunaan pusat pembelajaran

# Pentaksiran



Pengenalan DSKP KSPK



Penulisan standard prestasi dalam dokumen kurikulum bagi memastikan guru melaksanakan pentaksiran semasa p&p dengan merujuk kepada satu dokumen.



Pentaksiran prasekolah ini diselaraskan untuk semua prasekolah dengan merujuk Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan yang ditulis dalam dokumen kurikulum.



# Dokumen Kurikulum KSPK

(Semakan) 2017

# Matlamat KSPK (Semakan)

Memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara **menyeluruh dan bersepadu** dalam aspek **jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial** melalui **persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan** serta **aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna**. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya.

# Objektif

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan menyediakan peluang kepada murid untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Menggunakan **bahasa** untuk berkomunikasi dengan berkesan.
2. Mengamalkan **nilai-nilai Islam** dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.
3. Mengamalkan **nilai-nilai murni** masyarakat Malaysia.
4. Menghargai dan peka terhadap persamaan dan perbezaan **budaya masyarakat Malaysia**.
5. Menyayangi dan menghargai **alam sekitar**.
6. Memperkembangkan **konsep sendiri** yang positif dan keyakinan diri.
7. Mempraktikkan **amalan kesihatan, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan diri**.
8. Mengaplikasikan **pemikiran kritis, kreatif dan inovatif** serta **kemahiran menyelesaikan masalah** dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

# Fokus

Kurikulum Prasekolah berfokus untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan **berkomunikasi** dan **bersosialisasi** dengan yakin. Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya.

# Kerangka KSPK (Semakan)



# Peruntukan Waktu

Bil.	Bidang Pembelajaran	Peruntukan Masa Seminggu (Dalam Minit)	
		Bahasa Pengantar Bahasa Melayu	Bahasa Pengantar selain Bahasa Melayu
1.	Bahasa Melayu	60	60
2.	Bahasa Inggeris	60	60
3.	Bahasa Cina/Bahasa Tamil*	-	60*
4.	Aktiviti Luar	120	120
5.	Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	120	120
6.	Matematik Awal	40	40
7.	Pembelajaran Bersepadu	800	740
	<b>Jumlah</b>	<b>1200</b>	<b>1200</b>



## Perbualan Awal

- 100 minit seminggu

## Rehat

- 150 minit seminggu

## Aktiviti Penutup

- 50 minit seminggu

## Aktiviti Pembelajaran

- 500 minit seminggu (SK)
- 440 minit seminggu (SJK)

**PEMBELAJARAN  
BERSEPADU**

# Aktiviti Luar



## Fizikal

- \* Melibatkan perkembangan motor kasar yang menggalakkan murid melakukan pelbagai aktiviti kecergasan tubuh badan dengan kemahiran tertentu.
- \* Pelaksanaan:
  - 30 minit bagi setiap sesi
  - 2 kali seminggu.



## Main Bebas

- \* Memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan secara bebas tentang apa, bila dan bagaimana untuk bermain.
- \* Pelaksanaan:
  - 20 minit bagi setiap sesi
  - 3 kali seminggu

# Pentaksiran

## **AKTA PENDIDIKAN 1996**

---

### BAHAGIAN V

#### 67. Penilaian Murid

(1) Menteri boleh menetapkan cara murid di institusi pendidikan hendaklah dinilai dan taraf yang perlu dicapai oleh murid itu.

---

# Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan (IPPK)

# Penyataan Umum Tahap Penguasaan KSPK

## Tafsiran Tahap Penguasaan Secara Umum

Tahap Penguasaan	Simbol	Pernyataan Standard
Telah Menguasai	TM	Tahu dan boleh buat dengan sendiri dengan baik secara bertatasusila
Sedang Maju	SM	Tahu dan boleh buat dengan rangsangan
Belum Menguasai	BM	Tahu beberapa perkara asas (yang minimum) tetapi tidak buat (sentiasa memerlukan rangsangan)

# Contoh

Standard Kandungan,  
Standard Pembelajaran,  
Standard Prestasi

dalam **KSPK** (Semakan) 2017

# Tunjang Komunikasi - Bahasa Melayu

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	
	4+	5+
BM 1.2 Mendengar, memahami dan memberi respons secara gerak laku dan lisan	<p>BM 1.2.1 Mendengar dan memberi respons terhadap cerita yang didengar</p> <p>BM 1.2.2 Mendengar dan menyanyi lagu kanak-kanak</p> <p>BM 1.2.3 Mendengar, memahami dan memberi respons secara bertatasusila terhadap: ucap selamat suruhan</p>	<p>BM 1.2.4 Mendengar dan memberi respons dengan bertatasusila terhadap:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. arahan</li><li>ii. soalan</li><li>iii. cerita</li></ol> <p>BM 1.2.5 Mendengar dan melafazkan puisi dengan intonasi yang betul</p> <p>BM 1.2.6 Melafazkan puisi pantun dua kerat sajak</p>

# Standard Prestasi

Kod	Konstruk	Standard Prestasi	
		Tahap Penguasaan	Tafsiran
BM 1	Kemahiran mendengar dan bertutur (BM 1.2)	BM	Mendengar dan memberi respons secara gerak laku.
		SM	Boleh memberi respons semasa perbualan dengan rangsangan.
		TM	Boleh mendengar dan memberi respons semasa perbualan secara bertatasusila.

KSPK (2010)

Perbandingan

KSPK

(Semakan) 2017

# Perbandingan

## KSPK

## KSPK (Semakan)

### Organisasi Kurikulum

Standard Kandungan  
Standard Pembelajaran

Standard Kandungan  
Standard Pembelajaran  
Standard Prestasi

### Penyusunan semula disiplin ilmu

Modul Bertema

Pembelajaran Bersepadu

Tunjang Sains & Teknologi

Tunjang Sains & Teknologi

- Awal Sains, Awal Matematik, Pembinaan & Penggunaan ICT

- Sains Awal
- Matematik Awal

## KSPK

## KSPK (Semakan)

### Peruntukan Masa

BM, BI, BC dan BT diperuntukkan masa 90 minit seminggu

Aktiviti Luar diperuntukkan masa 80 minit seminggu

Modul bertema  
SK – 430 minit  
SJK – 340 minit

BM, BI, BC dan BT diperuntukkan masa 60 minit seminggu

Aktiviti Luar diperuntukkan masa 120 minit seminggu

- Fizikal
- Main Bebas

Pembelajaran bersepadu  
SK – 800 minit  
SJK – 740 minit

## KSPK

## KSPK (Semakan)

### Unsur Tambahan

Penerapan KBAT secara implisit

Penerapan KBAT secara eksplisit

Penulisan Standard Pembelajaran

Penulisan Standard Pembelajaran

– dalam bentuk tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh murid dan aktiviti

– dalam bentuk tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh murid



Terima  
kasih